

24/09/1998

Dr Mahathir ahli panel Commonwealth Maya

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi seorang daripada enam ahli panel antarabangsa yang akan membincangkan beberapa isu penting dalam bidang teknologi maklumat (IT) di 'Commonwealth Maya' pertama pada 29 September ini.

'Commonwealth Maya' adalah inisiatif dan percubaan Malaysia di dalam merintis jalan merealisasikan idea mewujudkan masyarakat maya.

Ianya, dianjurkan Majlis IT Negara (NITC) dan adalah sebahagian daripada projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Presiden serta Ketua Eksekutif Mimos Bhd, Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen pada persidangan akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut beliau, ahli panel dari lima bandar raya akan memberikan ucapan masing-masing menerusi persidangan video yang diilhamkan sendiri oleh Dr Mahathir semasa pameran Multimedia Asia (MMA) tahun lalu.

Ia akan disiarkan secara langsung melalui Internet, serta siaran radio dan televisyen, tempatan dan juga luar negara.

Ahli panel lain yang akan turut serta di dalam 'Commonwealth Maya' bertemakan 'Kawalselia dalam dunia pelbagai rangkaian-ke arah mewujudkan masyarakat madani global' itu ialah Naib Presiden Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia, Jean-Michel Severino, Pesuruhjaya Perhubungan Industri IT dan Telekomunikasi Eropah, Martin Bangemann dan Ketua Setiausaha Persidangan Mengenai Pembangunan dan Perdagangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD) Rubens Ricupero.

Dua lagi ahli panel lain ialah Dekan Sekolah Kajian Kerajaan John F. Kennedy Universiti Harvard, Dr Joseph S Nye dan Sarjana Residen di Program Perhubungan Antarabangsa Yayasan Ford, Brian Urquhart.

Kecuali perdana menteri, ahli panel yang terbabit di dalam persidangan video itu akan bercakap dari pejabat masing-masing.

Severino serta Urquhart di New York, Bangemann di Geneva manakala Nye pula di Massachusetts.

Dr Mahathir pula akan melancarkan 'Commonwealth Maya' itu seterusnya bercakap pada sidang video yang akan disaksikan oleh kira-kira 500 jemputan di sebuah hotel, di Kuala Lumpur sempena MMA 98.

Tengku Dr Mohd Azzman berkata, antara topik utama yang akan dibincangkan oleh ahli panel ialah Kawal selia global: hak, peranan, tanggungjawab dan perhubungan serta Kerakyatan, politik dan kepimpinan: Negara tanpa batas, Kemiskinan, keadilan sosio ekonomi dan juga martabat manusia, Budaya media dan kandungan: Risiko terhadap pelbagaian dan Etika dan moral dalam era maklumat.

(END)